

# Malaysia tunggu perkembangan perang Iran-Iraq

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Malaysia dan lain-lain negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersikap "tunggu dan lihat" sebelum membuat keputusan menyelesaikan peperangan Iran-Iraq.

Setiausaha Agung OIC, Encik Habib Chatti hari ini telah meminta kerjasama Malaysia untuk menetapkan pendirian itu, dalam satu pertemuan selama 45 minit antara beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Encik Chatti menasihatkan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai anggota jawatankuasa pendamaian Islam mengambil sikap "tunggu dan lihat" mengenai peperangan Iran-Iraq memandangkan "tidak kemajuan" terutamanya di sebelah Iran yang mendesak bukan sahaja pampasan tetapi juga pengutukan dan pemecatan Presiden Iraq, Saddam Hussein, kata Timbalan Ketua Setiausaha

(1) Kementerian Luar Negeri Encik Mon Jamaluddin.

Dalam taklimatnya kepada pemberita-pemberit selepas pertemuan itu, beliau berkata, Encik Chatti telah menjelaskan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir mengenai isu Palestin dan Afghanistan.

Menurut Encik Mon, Encik Chatti puas hati usaha menyelesaikan masalah rakyat Palestin ada sedikit kemajuan berikutan penerimaan rancangan Fez oleh negara-negara Arab.

Bagaimanapun, Encik Chatti sedih masih tiada lagi perubahan di Afghanistan.

Setiausaha Agung itu juga telah menyampaikan permintaan OIC agar Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan Gabenor-Gabenor Bank Pusat Islam dan Datuk Seri Dr. Mahathir berjanji Kerajaan akan mengkaji perkara itu.

Perdana Menteri juga bersetuju dengan cadangan OIC mengenai bandar kembar antara Al-Kurds (Jerusalem Timur) dengan sebarang

Pertemuan hari ini adalah susulan perbincangan yang telah diadakan antara Encik Chatti dan Menteri Luar, Tan Seri Ghazali Shafie di sini minggu lalu yang memusatkan perbincangan terhadap masalah dunia Islam serta program-program Islam Malaysia termasuk cadangan penubuhan Universiti Islam.

Encik Chatti singgah di sini untuk menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam perjalanannya ke Pakistan.

Beliau tidak menemui Perdana Menteri dalam lawatan empat hari minggu lalu kerana Datuk Seri Dr. Mahathir melawat Melaka.

Sumber-sumber Wisma Putra berkata, Encik Chatti tertarik hati dengan perkembangan di Malaysia terutamanya kepantasan menjalankan projek penubuhan Universiti Islam Antarabangsa.

Encik Chatti memuji Kerajaan kerana segera bertindak menubuhkan universiti itu sebaik sahaja mengumumkannya. -- Bernama